

1. Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
 - A Konsep perakaunan.
 - B Kitaran perakaunan.
 - C Prinsip perakaunan.
 - D Sistem perakaunan.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan andaian usaha berterusan?
 - A Perniagaan akan terus berkembang maju.
 - B Peniaga akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan.
 - C Perniagaan akan beroperasi untuk suatu jangkamasa yang tidak terhad.
 - D Peniaga akan terus menambahkan modal untuk meneruskan perniagaan.
3. Bentuk organisasi perniagaan manakah yang mempunyai liabiliti yang terhad?
 - A Kedai Buku Chai.
 - B Pasar Segar Layang.
 - C Klinik Rajudan Singh.
 - D Syarikat Putera Berhad.
4. Manakah belanja bukan operasi sebuah perniagaan?
 - A Faedah pinjaman bank.
 - B Angkutan Keluar.
 - C Insurans.
 - D Gaji.
5. Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang berlaku diambil daripada Perniagaan Pertiwi.

2019
Jun 30 Pulangan belian bernilai RM 900

Yang manakah menunjukkan kesan urus niaga yang betul?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Bertambah
D	Bertambah	Tiada kesan	Berkurang

6. Pilih padanan yang betul.

	Catatan Kontra	Akaun yang berkaitan
A	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Terima
B	Susut Nilai Perabot	Perabot
C	Pulangan Masuk	Belian
D	Ambilan	Tunai

7. Dokumen 1 diperolehi daripada Kedai Lampu Hiasan Kristal.

SALINAN	RESIT RASMI	NO. RESIT : K020
	Kedai Lampu Hiasan Kristal No. 40 Bangunan Sentosa 84000 Muar, Johor	
		Tarikh : 31 Mei 2019
Diterima daripada	: Pembekal Bling Bling	
Ringgit Malaysia	: Satu ribu lima ratus enam puluh sahaja	
Untuk bayaran	: Keseluruhan invoice (diskaun tunai 10%)	
RM1 560.00		
Tunai / No. Cek : BIMB112244		<u>Hana</u> (Pengurus)

- A Bukti pembelian barang niaga secara tunai
 B Mengurangkan jumlah dalam invoice.
 C Menambahkan jumlah dalam invoice.
 D Bukti penerimaan tunai atau cek.
8. Puan Rohana menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antaranya dengan pembeli pada akhir setiap bulan. Apakah dokumen yang dihantar oleh Puan Rohana?
- A Makluman Debit
 B Penyata Akaun
 C Nota Debit
 D Invoice

9. Jurnal Am berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Kilat.

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2019 Mei 10	Perabot Belian	2 000	2 000

Manakah urus niaga yang menerangkan catatan di atas?

- A Beli set katil pengantin secara kredit
 - B Ambil sebuah almari untuk kegunaan keluarga
 - C Ambil satu set sofa untuk dipamerkan di hadapan kedai
 - D Pembetulan kesilapan : beli aset secara kredit tersalah rekod dalam akaun belian
10. Urus niaga yang berikut diambil daripada Perniagaan Antartika.

30 Mac 2019 Menghantar nota kredit kepada Jimie Enterprise sebanyak RM 200.

Perniagaan Antartika akan merekodkan urus niaga tersebut ke dalam

- A Jurnal Jualan.
 - B Jurnal Belian.
 - C Jurnal Pulangan Jualan.
 - D Jurnal Pulangan Belian.
11. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Kedai Nobita.

Buku Tunai			Kredit		
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2019 Mei 15	Perniagaan Sizuka	RM	RM 700	RM	

Manakah urus niaga yang menerangkan catatan di atas?

- A Perniagaan Sizuka menjelaskan hutang kepada Kedai Nobita.
- B Kedai Nobita menjelaskan hutang kepada Perniagaan Sizuka.
- C Perniagaan Sizuka menjual barang niaga kepada Kedai Nobita.
- D Kedai Nobita membeli barang niaga daripada Perniagaan Nobita.

12. Maklumat berikut adalah perbezaan ciri antara Lejar Jualan dengan Lejar Belian. Perbezaan manakah yang betul?

	Lejar Jualan	Lejar Belian
I.	Merekod urus niaga jualan tunai	Merekod urus niaga belian tunai
II	Merekod urus niaga jualan kredit	Merekod urus niaga belian kredit
III	Mencatat semua Akaun Belum Terima	Mencatat semua Akaun Belum Bayar
IV.	Mencatat Akaun Belum Terima barang niaga	Mencatat Akaun Belum Bayar barang niaga

- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

- 13.

Suhaimi menjelaskan hutang sebanyak RM2 500 kepada Pembekal Syamimi dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Syamimi
B	Bank	Pembekal Syamimi Diskaun diterima
C	Pembekal Syamimi Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Syamimi	Bank Diskaun diterima

14. Maklumat berikut diperolehi daripada Rebung Trading.

2018		RM
Jan 1	Baki debit Lejar Jualan	8 690
Dis. 31	Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	52 430
	Diskaun diberi	1 260
	Pulangan masuk	1 680
	Hutang lapuk	550
	Baki debit Lejar Jualan	9 720

Berapakah jualan kredit Rebung Trading?

- A RM 56 950
- B RM 55 850
- C RM 37 510
- D RM 36 410
15. Imbangan Duga Perniagaan Cumi Cumi mempunyai beberapa kesilapan.

Imbangan Duga pada 30 April 2019		
Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		7 000
Inventori Awal	2 200	
Jualan		5 248
Belian	3 890	
Angkutan masuk	273	
Hutang Lapuk Terpulih	100	
Pulangan keluar		85
Insurans	120	
Diskaun diterima	50	
Gaji		2 400
Sewa	3 600	

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan tersebut diperbetulkan?

- A RM 10 223
- B RM 12 483
- C RM 14 733
- D RM 24 966

16. Pilih pernyataan yang benar mengenai Sistem Inventori Berterusan.
- I Menyimpan rekod yang terperinci untuk mengesan barang niaga yang diterima dan dikeluarkan
 - II Sistem ini diamalkan oleh peniaga runcit yang barang niaganya bernilai rendah.
 - III Kuantiti dan nilai inventori pada hujung sesuatu tempoh ditentukan dengan membuat pengiraan fizikal.
 - IV Pada rekod inventori akan mempamerkan kuantiti, kos seunit, jumlah kos belian dan kos jualan inventori serta baki akhir inventori.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
17. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Firma Mega Perdana pada 31 Mei 2019.

	RM
Alatan pejabat	15 000
Kenderaan	12 000
Akaun Belum Terima	5 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 500

Berapakah jumlah aset bukan semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM 24 500
B RM 25 500
C RM 30 500
D RM 32 000
18. Pada 31 Mac 2018, Syarikat Johan Sdn Bhd telah membayar premium insurans tahunan RM 1 200. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir pada 31 Disember 2018.
- Hitungkan belanja insurans yang akan dipindahkan ke akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- A RM 900
B RM 1 000
C RM 1 100
D RM 1 200

19. Maklumat yang berikut menunjukkan Imbangan Duga Kedai Dobi Pagoh Perdana pada 31 Oktober 2018.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	6 000	
Peruntukan Hutang Ragu		450

Kedai Dobi Pagoh Perdana telah membuat peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas akaun belum terima.

Apakah kesannya terhadap hasil atau belanja kedainya?

- A Hasil bertambah RM 150
- B Hasil berkurang RM 150
- C Belanja bertambah RM 300
- D Belanja berkurang RM 300
20. Ramli Berhad telah membeli sebuah mesin bernilai RM19 000. Mesin dijangka boleh digunakan selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap mesin dianggarkan sebanyak RM3 200.

Berapakah susut nilai mesin tersebut?

- A RM 1 350
- B RM 1 580
- C RM 1 850
- D RM 1 950
21. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Pro Aktif Wira pada 31 Disember 2018.

	RM
Kenderaan (kos)	30 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	6 000

Kenderaan tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2018. Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM 1 500
- B Rugi pelupusan RM 4 500
- C Untung pelupusan RM 1 500
- D Untung pelupusan RM 4 500
22. Pernyataan manakah yang tidak benar?
- A Kesilapan tidak ketara dibetulkan melalui catatan Jurnal Am.
- B Kesilapan tidak ketara tidak ditunjukkan dalam Imbangan Duga.
- C Imbangan Duga disediakan untuk menguji ketepatan catatan bergu.
- D Imbangan Duga yang seimbang bermakna tiada kesilapan dalam rekod perakaunan.